



LAPOR... wakil Ikhlas membuat laporan polis mengenai lambakan peniaga kecil warga asing di sekitar ibu kota.

Sekat peniaga asing

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas) menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) agar tidak membenarkan penaja dan peniaga kecil mengambil pekerja warga asing.

Presidennya, Mohd Ridwan Abdullah, berkata tindakan itu perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah lambakan pekerja asing yang turut menyumbang kepada masalah pengangguran.

"Berdasarkan kajian, lebih 80 peratus penaja dan pe-

niaga kecil di ibu kota terdiri daripada warga asing menunjukkan persaingan yang perlu dihadapi oleh warga tempatan.

Tegasmanapun, apabila operasi dijalankan, warga asing ini membayar sebagai pekerja menyebabkan tiada tindakan boleh diambil ke atas mereka.

"Oleh itu, Ikhlas berharap agar DBKL menyekat mereka menerusi undang-undang agar tiada lagi pekerja asing diambil bekerja oleh penaja dan peniaga kecil

tempatan bagi mengelakkan penipuan seperti ini berulang," katanya kepada media, di sini, semalam.

Sebelum itu, Mohd Ridwan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi selepas DBKL gagal memberi sebarang maklumat balas mengenai bantahan pihaknya mengenai kebanyakan penaja dan peniaga kecil asing di beberapa kawasan seperti Chow Kit, Masjid India, Jalan Petaling, Segambut Dalam dan Kota Raya.